

**PANDUAN IBADAT UMRAH**  
**BERDASARKAN**  
**MADZHAB IMAM ASY SYAFI'IE**

# UMRAH TAKRIF DAN PENSYARIATANNYA

## 1- Takrif

### Makna Umrah.

Umrah dari sudut bahasa ialah ziarah. Apabila dikatakan; Si fulan melakukan umrah, maksudnya melakukan ziarah. Atau maksudnya, pergi ke tempat yang dimakmurkan.

Dari sudut syarak bermaksud pergi ke Baitullah al-Haram pada bukan waktu haji untuk menunaikan ibadah tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

### Beza Di Antara Haji dan Umrah

Haji berbeza dengan umrah dari sudut masa dan beberapa hukum. Dari sudut masa haji ditentukan pada bulan tertentu, tidak boleh dilakukan pada bulan yang lain dan tidak sah niat haji kecuali pada bulan tersebut. Bulan-bulan haji ialah Syawal, Zulkaedah dan sepuluh pertama bulan Zulhijah. Manakala umrah, masa melakukannya ialah sepanjang tahun kecuali hari-hari mengerjakan haji bagi orang yang berniat melakukannya. Dari sudut hukum, haji mempunyai wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan Mina dan melontar Jamrah. Di dalam umrah, semua ini tidak ada.. Ia hanyalah: Niat, tawaf, melakukan sa'ie dan bercukur ataupun bergunting sahaja. Dari sudut lain, berlaku ijmak ulama' terhadap kewajipan menunaikan haji, manakala umrah, para ulama' berselisih pendapat tentang kewajipannya.

## 2- Masa Disyariatkan

Mungkin pendapat yang paling kuat mengenai bilakah haji dan umrah mula disyariatkan ialah tahun kesembilan hijrah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh as-Syaikhhan (Al Bukhari dan Muslim):

*Nabi s.a.w. bersabda kepada delegasi kabilah Abdu al-Qais yang datang menemui Baginda s.a.w. pada awal tahun kesembilan hijrah. Mereka bertanyakan tentang perintah-perintah yang wajib mereka patuhi. Baginda menjawab: "Aku perintahkan kamu beriman kepada Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa Ramadhan dan menyerahkan seperlima daripada rampasan perang".*

Sekiranya haji difardhukan sebelum itu, nescaya Baginda akan turut menyebutnya bersama-sama perintah yang ditujukan kepada mereka.

## HUKUM DAN DALIL

### Hukum dan Dalil Umrah

Umrah adalah fardhu seperti haji. Ini adalah pendapat al-Imam as-Syafie r.a. yang *al-Azhar*. Beliau berdalilkan kepada al-Quran dan as-Sunnah.

Dalil daripada al-Quran ialah firman Allah Taala;

لِلَّهِ وَالْعُمْرَةَ الْحَجِّ وَأَتَمُّوا

*'Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah'. (Al-Baqarah:196)*

Ertinya tunaikanlah kedua-duanya dengan sempurna.

Dalil daripada as-Sunnah ialah sabda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Baihaqi dan selain mereka dengan sanad-sanad yang sahih daripada 'Aisyah r.a. katanya:

*Aku berkata: "Wahai Rasulullah, apakah wanita wajib berjihad?". Sabda Baginda: "Ya, jihad yang tiada peperangan padanya iaitu haji dan umrah".*

### FADHILAT 'UMRAH

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ (البخاري)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ لَلَّهِ ثَلَاثَةٌ الْغَازِي وَالْحَاجُّ وَالْمُعْتَمِرُ  
(النسائي)

الْحُجَّاجُ وَالْعُمَّارُ وَقَدْ لَلَّهِ إِنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ وَإِنْ اسْتَعْفَرُوهُ غَفَرَ لَهُمْ (ابن ماجه)

تَابِعُوا بَيْنَ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ، فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالدُّنُوبَ كَمَا يَنْفِي الْكِبَرُ حَبْثَ  
الْحَدِيدِ (النسائي)

## HIKMAH DAN PELAJARAN DARI HAJI SERTA UMRAH

Pentingnyanya mengetahui kepentingan dan kedudukan setiap amal.

'Ilmu tentang fadhilat dan hikmah sebagai penggalak dan sumber untuk mengikhlaskan niat.

**Keyakinan tentang pahala yang akan diperoleh memudahkan pengorbanan dalam sifat pembelanjaan dan mengadap ujian.**

**Kedudukan Ka'bah disisi Allah akan bangkitkan kerinduan untuk menziarahinya yang mana ia adalah rumah Allah yang teragung.**

Allah telah mensyariatkan pelbagai syariat untuk hamba-hamba-Nya. Dijelaskan kepada mereka segala hukum untuk memenuhi kepentingan jangka pendek dan jangka panjang dalam urusan keagamaan dan keduniaan mereka. Al-Quran yang mulia telah menyatakan perkara ini sewaktu menyebutkan tentang haji yang membawa kepada wujudnya manfaat dan kepentingan bagi manusia. Firman Allah Taala;

لِيَشْهَدُوا مَنَفَعَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةِ  
الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

*"Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka, serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang-orang yang susah, yang fakir miskin". (Al-Hajj: 28)*

Ibnu Abbas r.a. berkata sewaktu mentafsirkan ayat ini: "Ia adalah manfaat dunia dan akhirat, manfaat akhirat ialah keredhaan Allah Taala. Manfaat dunia ialah apa yang mereka perolehi iaitu unta, sembelihan dan perniagaan".

Pada hakikatnya, kalau kita mahu menghuraikan lagi kata-kata Ibnu Abbas dan menghitung manfaat agama dan dunia yang telah dinyatakan oleh al-Quran, maka kita akan dapati pelbagai manfaat, antaranya:

**Pertama;** Perhimpunan orang-orang Islam. Ketahuilah bahawa agama ini tertegak di atas kesatuan dan kasih sayang sesama muslim. Oleh itu Allah Taala menjadikan kebanyakan ibadat yang disyariatkan sebagai cara untuk mewujudkan pertemuan antara mereka; Dijadikan pertemuan yang berulang-ulang lima kali sehari di peringkat satu kampung dalam satu bandar dan untuk menyusun pertemuan tersebut disyariatkan sembahyang berjemaah.

Dijadikan untuk mereka pertemuan lain yang berulang sekali seminggu di peringkat satu bandar, dan untuk menyusun pertemuan tersebut disyariatkan sembahyang Jumaat.

Dijadikan untuk mereka pertemuan lain yang berulang setahun sekali di peringkat antarabangsa, dan untuk menyusun pertemuan tersebut disyariatkan haji ke Baitullahil Haram.

**Kedua;** Menghidupkan hakikat persaudaraan Islam dan menzahirkannya di alam realiti. Dalam masalah ini, perbezaan bahasa dan sempadan negara tidak memberikan kesan. Sebaik-baik cara dan tempat untuk menghidupkan pertemuan ini ialah di

sekeliling Baitullah; mereka melakukan doa yang satu untuk Tuhan yang satu ke arah yang satu.

**Ketiga;** Mengikat seluruh umat Islam dari seluruh dunia dengan Makkah al-Mukarramah; tempat terbitnya Islam dan daripadanya berpusat sinaran Tauhid ke seluruh alam untuk menjadi lambang kesatuan dan mengukuhkan pegangan mereka walau bagaimana jauhnya negeri mereka.

**Keempat;** Menjadi salah satu lambang persamaan sesama muslim (orang Islam). Dengannya, pelbagai faktor yang membezakan sesama manusia dan menyebabkan mereka bergegas dalam berpakaian dan tempat tinggal tunduk melutut. Ketika tawaf dan Sa'ie, orang kaya hampir tidak kelihatan dan orang fakir tidak dikenali, tuan sama dengan hamba, khadam sama dengan tuannya... dan semua berada dalam suasana limpahan rohani yang satu iaitu keinginan mendekati Allah dan memperolehi keredhaan-Nya.

Inilah suasana yang cukup indah yang mengingatkan kepada permulaan manusia berada di dunia; sewaktu keluar dari perut ibu. Semuanya dalam keadaan yang sama, tiada beza di antara mereka. Ia juga mengingatkan kepada hari akhirat; sewaktu manusia berdiri di hadapan Allah dalam keadaan berkaki ayam dan telanjang tanpa ada pangkat dan keturunan.

**Kelima;** Haji merupakan sebesar-besar peringatan yang mengingatkan muslimin (orang-orang Islam) kepada keadaan bapa-bapa mereka dan para Nabi dan Rasul yang terdahulu. Setiap tempat ditunaikan haji mempunyai ikatan yang rapat dengan peristiwa yang mencetuskan banyak ingatan dalam diri jemaah haji. Di sisi Baitullah menjelmalah dalam pemikiran seorang mukmin Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail sedang membina Baitullah dan menjelmalah gambaran Nabi s.a.w. sedang mencium Hajarul Aswad dan menjatuhkan berhala-berhala yang tersungkur dalam keadaan yang terhina. Di As Safa dan Al Marwah seorang muslim mengingati Hajar a.s. yang berlari di antara keduanya untuk mencari air bagi anaknya Ismail.

**Keenam;** Manfaat tambahan kepada semua ini ialah rezeki yang diperolehi oleh orang-orang fakir di negeri itu pada musim yang mulia ini; rezeki yang mencukupkan keperluan mereka selama setahun sebagai memenuhi seruan Nabi Ibrahim a.s. sewaktu Baginda berdoa:

*"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian zuriat keturunanku di sebuah lembah yang tidak ada tanaman padanya di sisi rumah-Mu di Tanah Haram (Makkah). Wahai Tuhan kami, (yang demikian) supaya mereka mendirikan sembahyang. Maka jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik kepada mereka dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur".*  
(Ibrahim: 37)

**Ketujuh;** Haji adalah tarbiah bagi jasad untuk hidup dalam keadaan susah, -nemikul keperitan dan sabar terhadap perkara yang tidak disukai. Juga mentarbiah akhlak untuk merendah diri, bertolak ansur, pergaulan yang baik dan saling memaafkan. Mentarbiah jiwa untuk berkorban, berusaha, bersedekah dan berbuat baik. Mentarbiah perasaan supaya berada dalam keadaan suci dan muraqabah Allah.

Firman Allah:

*(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat*

mengerjakan) ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri, dan tidak boleh membuat maksiat, dan tidak boleh bertengkar, dalam masa mengerjakan ibadat Haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah; dan hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah); dan bertaqwalah kepadaKu wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya). (Al Baqarah:197).

**Kedelapan:** Tinggalkan tanah air dan keluarga mengingkatkan tentang maut apabila segala ditinggalkan oleh simati; ihram dan mandi untuknya meningkatkat tentang mandi mayat dan kafan; tawaf keliling ka'bah saperti ibadat malaikat yang tawaf keliling ársy Allah; dalam keadaan saperti anak yang mengelilingi ibu supaya didokongnya hamba Allah mangharapkan di terima dan diredhai oleh Allah; Maqam Ibrahim mengingatkan tentang balasan bagi ketataan kepada Allah.

### 'UMRAHNYA NABI (S.A.W.)

Nabi (s.a.w.) telah masuk Makkah 5 kali selepas hijrah ke Madinah. dan lakukan ibadat 'umrah 4 kali dan haji sekali. Semua 'umrah baginda dilakukan di bulan Dzulqa'dah. Mengapa?

- (1) 6 A.H. - dihalang masuk kota Makkah oleh kaum musyrik. - Perjanjian Hudaibiyah.
- (2) 7 A.H. - 'Umratul Qadha - 3 hari di Makkah ikut perjanjian dengan kaum musyrik.
- (3) 8 A.H. - Selepas takluk kota Makkah, Nabi (s.a.w.) ke Taif dan Hunain untuk mengadap musuh. Selepas pembahagian harta perang , baginda ihram di Ji'ranah dan masuk Makkah untuk 'umrah dan tinggalkannya waktu malam.
- (4) 10 A.H. - 'umrah serta haji.

Nabi (s.a.w.) memberitahu kita tentang fadhilat 'umrah di bulan ramadan tetapi tidak melakukannya sendiri kerana:

- (a) Tidak mahu menyusahkan sahabat beliau dengan pelayaran.
- (b) Sibuk dengan tadarus al Quran bersamam Jibril (a.s.).

Telah bersabda (s.a.w.) apabila diberitahu oleh ummu Ma'qil bahawa ia tak dapat lakukan haji bersamam baginda (s.a.w.):

فَإِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فَاعْتَمِرِي فَإِنَّ عَمْرَةَ فِيهِ تَعْدِلُ حِجَّةَ (مُسْلِم)

*Apabila datang Ramadan, melakukan 'umrah kerana sesungguhnya 'umrah dalamnya saperti haji (dalam pahala).*

## ADAB-ADAB PELAYARAN

(1) Berunding tentang sesuainya waktu untuk belayar dan beritahu teman-teman tentang niat berangkat untuk 'umrah atau haji.

(2) Solat *istikhaarah* 2 rakát.

Riwayat Imam Ahmad:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ اسْتِخَارَتُهُ اللَّهَ وَمِنْ سَعَادَةِ  
ابْنِ آدَمَ رِضَاهُ بِمَا قَضَاهُ اللَّهُ وَمِنْ شِقْوَةِ ابْنِ آدَمَ تَرْكُهُ اسْتِخَارَةَ اللَّهَ وَمِنْ شِقْوَةِ ابْنِ  
آدَمَ سَخَطُهُ بِمَا قَضَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ . (أحمد)

(3) Bertaubat dari segala dosa, kembalikan segala amanat dan yang diambil cara haram dan minta keampunan dari keluarga dan rakan-rakan. Qadak solat, puasa dan zakat yang ditinggalkan seberapa boleh.

(4) Tulis wasiat.

(5) Cari kerestuan ibubapa, saudara-mara,, guru-guru ...

(6) Perbelanjaan haji/'umrah dari sumber yang halal.

(7) Segala perbelanjaan dikeluarkan dengan ridha dan ikhlas.

(8) Bawa duit belanja yang cukup supaya dapat bantu orang yang susah, selalu mesra dan sifat belas kasihan dan buat baik terhadap rakan-rakan. Semua ini adalah sunat dalam pelayaran. Banyak sabar kerana mudah marah dalam keadaan pelayaran.

(9) Belajar cara melakukan ibadat 'umrah dan haji.

(10) Cari sebagai teman orang yang salih dan alim yang dapat membimbing dan nasihat nya.

(11) Pastikan niat tulus ikhlas. Kalau hajikan orang lain, jangan tuntutan bayaran yang mahal. Dalam sebuah riwayat oleh Al Harawiy dari Ibn 'Abbas:

مَنْ حَجَّ عَنْ مَيْتٍ يُكْتَبُ لِلْمَيْتِ حَجَّةٌ وَ لِلْحَاجِّ سَبْعُ حَجَّاتٍ (أخرجه الهروي عن ابن عباس)

(12) Lakukan sunat safar 2 rakát dan baca dalamnya Al Kaafiruun dalam rak'at pertama dan Al Ikhlās dalam rak'at kedua. Baca doa safar dan segala doa-doa yang lain yang disunatkan seperti waktu masuk bilik air, makan, tidur...

(13) Kalau boleh berada dalam keadaan wuduk selalu dan berdzikir dan berdoa bagi

diri sendiri dan kaum muslimin. Diriwayatkan oleh Imam At Tirmidzhi bahawa Rasulullah bersabda;

ثَلَاثُ دَعَوَاتٍ مُسْتَجَابَاتٌ لَا شَكَّ فِيهِنَّ دَعْوَةُ الْمَظْلُومِ وَدَعْوَةُ الْمُسَافِرِ وَدَعْوَةُ الْوَالِدِ عَلَى وَلَدِهِ. (الترمذي)

(14) Bawa alat-alat yang penting dengan niat ikut sunnah Nabi (s.a.w.). Antaranya:

- Cermin
- Celak
- Gunting
- Sikat
- Berus gigi (siwak)
- Botol isi air
- Ada ulama yang galak membawa jarum dan benang.
- Beg untuk letak kasut waktu masuk masjid dan buku doa.
- Tikar/sejadah atau plastik untuk duduk dan solat atasnya.

(15) Belajar hukum solat musafir (jamak dan qasar) dan tayammum.

(16) Belajar cara lakukan solat jenazah kerana ia dilakukan hampir selepas tiap solat fardhu.

## AMALAN-AMALAN UMRAH.

### Amalan- amalan 'umrah terbagi kepada tiga bahagian

<b>Rukun</b> Tidak sah/sepurna kalau tidak dilakukan	<b>Wajib</b> Kena bayar fidyah kalau tinggalakannya	<b>Sunat</b> Tidak dosa dan dapat pahala kalau dilakukan
Ihraam	Lakukan ihram dimiqat	Mandi, ketip kuku, cukur sebelum ihram
Tawaf 'umrah	Jaga pantang larang waktu ihram	Solat 2 rakat sunat ihram
Sa'ie	Tawaf wada'	Lakukan talbiyah
Cukur/gunting rambut dilingkukan kepala (tahallul)		Jaga adab dan baca doa waktu masuk Makkah, masjidul Haram, tawaf dan sa'ie
Ikut urutan diatas		



**Secara ringkasnya, amalan-amalan umrah ialah:**

**(1) Ihram**

**(2) Tawaf**

**(3) Sa'i e**

**(4) Cukur/gunting rambut kepala. ( Dengannya selesai ibadat 'umrah).**

**(5) Melakukan Tawaf Wada' sebelum tinggalakn kota Makkah.**

1. **Ihram umrah.** Ia dilakukan pada miqat yang tertentu.

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى

*Saya telah berniat 'umrah dan berihram untuknya kerana Allah Maha Agung.*

**Ihram** ialah permulaan bagi pekerjaan 'umrah, pintu masuk kepada amalan ibadahnya, kewajipan dan rukun-rukunnya. Untuk memahami apa yang berkaitan dengan hukum ihram, kita mesti membincangkan tiga perkara iaitu miqat, *kaifiyat* ihram dan perkara yang haram sewaktu berihram.

1. **Miqat;** Ia terbahagi kepada dua iaitu miqat zamani dan makani.

**Miqat Zamani** maksudnya ialah tempoh tertentu yang sah dilakukan ihram padanya. Ihram bagi 'umrah boleh dilakukan pada semua waktu kecuali bagi jemaah haji yang berada di Mina pada hari-hari tasyriq.

**Miqat Makani** maksudnya ialah sempadan tempat yang tidak boleh dilangkaui oleh jemaah 'umrah kecuali dia dalam kedaan berihram bagi jemaah yang berkunjung dari negeri asing. **Bagi jemaah yang berada di Makkah, miqat ihram bagi 'umrah adalah di luar tanah haram** walaupun sekadar selangkah (Tanah Halal). Para jemaah biasa keluar ke Tanéem atau Ji'raanah untuk melakukan ihram untuk umrah.

Kalau dia berihram di Makkah, umrahnya sah, tetapi dia wajib mengeluarkan dam sebagaimana yang akan dijelaskan nanti.

Dalil wajibnya perkara ini (keluar ke tanah halal untuk memulakan ihram umrah) ialah Nabi s.a.w. telah menghantar 'Aisyah (sebagaimana dalam hadis sahih) ke at-Tan'iem untuk berihram di sana.

## **2. Cara Ihram Haji dan Umrah**

Ihram ialah niat memasuki ibadat haji atau umrah ataupun kedua-duanya sekali bersama dengan pekerjaan dan adab yang menyempurnakannya. Kami perjelaskan kaifiyat ini secara ringkas.

**Pertama;** Apabila jemaah umrah mahu memulakan perlaksanaan ibadatnya, dia hendaklah memulakannya dengan melakukan perkara berikut:

a. **Mandi.** Hukumnya sunat dan hendaklah diniatkan mandi ihram. Kalau tidak dapat mandi, hendaklah bertayammum.

b. **Memakai minyak wangi pada badannya.** Hukumnya juga sunat dan tidak menjadi masalah sekiranya baunya kekal walaupun selepas memulakan berihram dan melakukan amalan ibadat.

Ini dinyatakan dalam as-Shahihain daripada Aisyah r.a.:

كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى وَبَيْصِ الطَّيِّبِ فِي مَفْرَقِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مُحْرَمٌ  
(البخاري و مسلم)

"Seolah-olah aku melihat kesan minyak wangi di tengah kepala Rasulullah s.a.w. sedangkan ketika itu Baginda sedang berihram".

c. **Lelaki tidak boleh memakai pakaian berjahit.** Ini termasuk songkok dan sepatu yang menyelubungi kaki. Hukumnya adalah wajib. Sebagai gantinya, dia boleh memakai sehelai kain dan selendang (Kain ihram) yang disunatkan berwarna putih.

Bagi wanita, mereka hanya diwajibkan membuka muka dan kedua tapak tangannya berdasarkan hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan selainnya:

"... وَ لَا تَنْتَقِبُ الْمَرْأَةُ الْمُحْرَمَةُ وَ لَا تَلْبَسُ الْقُفَّازَيْنِ ... " (البخاري)

"Wanita tidak menyelubungkan mukanya dan tidak boleh memakai kedua sarung tangannya".

Hadis ini adalah sebagai jawapan baginda kepada soalan beberapa orang sahabat tentang perkara yang wajib dipakai oleh wanita sewaktu berihram haji. Wanita juga disunatkan menginaikan kedua tapak tangannya sebelum berihram kerana dia perlu mendedahkannya.

d. **Sembahyang dua rakaat.** Hukumnya adalah sunat dan diniatkan dengan sunat ihram.

أُصَلِّي رَكَعَتَيْنِ سُنَّةَ الْإِحْرَامِ بِالْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

**Kedua;** Apabila permulaan ini telah disempurnakan dan anda telah mengetahui bahawa yang wajib hanyalah 'C' sahaja manakala bakinya hanyalah sunat dan adab sahaja, maka dia perlulah menunggu saat untuk memulakan perjalanannya walau dengan apa kenderaan sekalipun.

**Pada waktu kenderaan hendak bergerak hendak berniat** umrah yang mana niat di dalam hatinya sudah cukup. Niat boleh di lafazkan dengan lidahnya seperti berikut;

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَ أَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى

Selepas sudah jatuhkan niat, disunatkan lakukan TALBIYAH DENGAN berkata:

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ

## لَا شَرِيكَ لَكَ.

"Kami datang kepada-Mu ya Allah, tiada sekutu bagi-Mu, kami datang kepada-Mu. Sesungguhnya pujian, nikmat dan kerajaan hanya untuk-Mu, tiada sekutu bagi-Mu".

Tidak wajib melafazkan niat dan talbiyah. Yang wajib hanyalah niat di hati.

Apabila dia telah melakukan semua perkara ini maka dia telah mula melakukan ibadat 'umrah. **Dengan ini segala hukum dan kewajipan berkaitan (yang akan disebutkan selepas ini) terpakai kepadanya.**

### MA'NA TALBIYYAH DAR SEGI BAHASA

- 1) Saya telah menjawab panggilan Mu kerana taat dan menyerah diri berulang ulang. Jawapan ini adlah bagi seruan untuk melakukan haji yang dibuat oleh Ibrahim (a.s.) atas perintah Allah dan di pembaharui oleh Nabi (s.a.w.).
2. Tetap di sesuatu tempat (*labba bil-makan*) dan bergantung kepadanya dengan maksud tetap dalam taaat dan khidmat kepada Allah dan agama.
3. Bukti bagi cinta terhadap Allah kerana ucapan "*Labbayk*" yang merupai lambang taat dan khidmat dan serah diri adalah tanda-tanda cinta yang benar.
4. Mengandung maksud ikhlas dan inginan untuk bertaqarrub kepada Allah.

Selepas talbiyyah, ucapkanlah salawat dan salam atas baginda (s.a.w.) dan berdoa yang boleh dilakukan saperti berikut;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَنَعِيمَهَا وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لَكَ وَ لِرَسُولِكَ وَ آمَنُوا بِكَ وَ وَتَقُوا بِوَعْدِكَ وَ وَفُوا بِعَهْدِكَ وَ اتَّبَعُوا أَمْرَكَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ وَفْدِكَ الَّذِينَ رَضِيَتْ وَ أَرْضَيْتَ. اللَّهُمَّ يَسِّرْ لِي آدَاءَ مَا نَوَيْتُ وَ تَقَبَّلْ مِنِّي. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

**Digalakan terus bertalbiyah dengan angkat suara tetapi tidak sehingga membebankan.**

Diriwayatkan oleh Imam Malik, Imam Asy Syafi'ie, Abu Dawood, An Nasaai dan At Tirmidzhi;

أَتَانِي جِبْرِيلُ فَأَمَرَنِي أَنْ أَمُرَ أَصْحَابِي أَنْ يَرْفَعُوا أَصْوَاتَهُمْ بِالْإِهْلَالِ وَ التَّلْبِيَةِ.

**"Jibril telah datangi saya (Nabi) dan perintah saya untuk memerintah sahabat saya untuk angkat suara mereka apabila menyembelih (sebut nama Allah) dan melakukan talbiyah. "**

Diriwayatkan oleh Imam At Thabarani;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ " مَا أَهْلٌ مُهَلٌّ قَطُّ وَلَا كَبْرٌ مُكَبَّرٌ قَطُّ إِلَّا بُشِّرَ. " قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ! بِالْجَنَّةِ؟ قَالَ "نَعَمْ." (رواه الطبراني)

Daripada Abu Hurairah yang berkata bahawa nabi (s.a.w.) bersabda, "Tidak ada orang melkukan takbeer atau talbiyah kecuali ia di beri khabar gembira."Di katakan, Wahai rasullallah, "Ada dengan syurga." Jawab baginda, "Ya."

Di riwayatkan oleh Imam At Tirmidzhi, Ibn Majah, Al Baihaqqi dan Al Hakim;

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ، " مَا نَنْ مُسْلِمٍ يُلَبِّي إِلَّا لَبَّى مِنْ عَنْ يَمِينِهِ وَشِمَالِهِ مِنْ حَجْرٍ أَوْ شَجَرٍ أَوْ مَدْرٍ حَتَّى تَنْقَطِعَ الْأَرْضُ مِنْ هَا هُنَا وَ هَا هُنَا. " (رواه الترمذي و ابن ماجه و البيهقي و الحاكم و صححه).

Dari Sahl ibn Sa'd bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda, "Tiada muslim yang melakukan talbiyah kecuali yang ada pada kanan dan kirinya dari batu dan pokok dan tanah akan bertalbiyah dari sini dan sana (yaitu sehingga hujung bumi dari arah kanan dan kirinya.."

Riwayat ini memberitahu kita tentang hubungan yang berlaku antara orang yang lakukan talbiyyah dan makhluk Allah yang lain kerana semua menzahirkan kehambaan mereka kepada Allah dan echo talbiyahnya.

### **Digalakan talbiyyah :**

- (1) waktu bertolak dari satu tempat kelain, naik dan turun bukit, turun dan naik kenderaan.
- (2) jumpa kumpulan orang.
- (3) tiba fajar, siang dan malam hari dan pada waktu siang;
- (4) selepas solat
- (5) di semua masjid berikut madzhab Imam Asy Syafi'ie. Semua ulama bersepakat bahawa digalakkan talbiyah di Masjid il Haram dan semua masjid dalam tanah haram dan tempat dilakukan ibadat haji.

Apabila dalam keadaan ihram dan lihat sesuat yang mengembirakan atau menyedihkan sebut; **لَبَّيْكَ إِنَّ الْعَيْشَ عَيْشُ الْآخِرَةِ**

“Labbaik, sesungguhnya kehidupan yang sejati adalah kehidupan akhirah.”

Berhenti talbiyah apabila lihat Ka'bah, lakukan tawaf dan Sa'ie antara As Safa and Al Marwa dan sibukkan diri dengan berdoa.

Talbiyah boleh dilakukan walaupun dalam keadaan *junub dan haidh*. Orang yang tidak melakukan haji atau 'umrah juga boleh melakukan talbiyah sebagai dzikir. Diriwayatkan bahawa 'Abdullah ibn Mas'uud telah jumpa jemaah haji waktu beliau berada di Kufa dan telah melakukan talbiyah sesama mereka.<sup>1</sup>

### 3. Perkara Haram Sewaktu Ihram

Orang yang berihram haji atau umrah diharamkan melakukan 10 perkara yang wajib dijauhinya;

1. **Memakai pakaian berjahit** ataupun pakaian yang menutupi seluruh badannya. Termasuk dalam pengertian pakaian berjahit ialah kasut yang menutupi keseluruhan kaki. Dia hendaklah memakai selipar yang tidak menutup jari kakinya dan belakang tumitnya.

2. **Menutup kepala** kecuali bagi yang ada keuzuran, ataupun menutup sebahagiannya sama ada benda yang digunakan untuk menutup kepalanya adalah kain yang berjahit ataupun selainnya seperti memakai serban ataupun songkok atau apa jenis penutup. Berteduh di belakang dinding ataupun berpayung yang tidak menyentuh kepalanya adalah tidak dilarang.

Dua perkara yang diharamkan ini adalah khusus untuk lelaki, bukan untuk wanita.

Dalilnya ialah hadis yang sabit dalam Al Bukhari dan Mulsim daripada Ibnu Umar;

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا يَلْبَسُ الْمُحْرِمُ مِنَ الثِّيَابِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَلْبَسُ الْقُمُصَ وَلَا الْعَمَائِمَ وَلَا السَّرَاوِيلَ وَلَا الْبِرَانِسَ وَلَا الْخِفَافَ إِلَّا أَحَدًا لَا يَجِدُ نَعْلَيْنِ فَلْيَلْبَسْ خَفَيْنِ وَلْيَقْطَعْهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ وَلَا تَلْبَسُوا مِنَ الثِّيَابِ شَيْئًا مَسَّهُ الرَّعْفَرَانُ أَوْ وَرْسٌ  
(البخاري)

*Seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w.: "Apakah pakaian yang dipakai oleh orang yang berihram?" Jawab Baginda: "Dia tidak boleh memakai baju, serban, seluar, kopiah panjang dan khuf Kecuali seseorang yang tidak memiliki selipar, dia boleh memakai khuf yang dipotong di bahagian bawah tumit kedua-duanya dan tidak memakai pakaian yang terkena kunyit (za'faran) ataupun wars (sejenis tumbuhanyang berbau wangi yang digunakan sebagai pewarna)."*

3. **Menyikat rambut** walau menggunakan apa carapun; sikat, kuku (jari ataupun seumpamanya. Ini apabila dibimbangi gugurnya rambut disebabkan tindakan itu. Kalau tidak dibimbangi, maka hukumnya makruh.

4. **Mencukur ataupun mencabut rambut atau seumpamanya** kecuali ada keperluan (dharurah) melakukannya. Termasuk dalam pengertian ini ialah menggunting sebahagian rambut. Ini disebabkan zahir firman Allah taála

<sup>1</sup> Al Mughni fi fiqh il hajj wal 'umrah.

وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَهْدَىٰ مَحَلَّهُ

"Serta janganlah kamu mencukur kepala kamu (untuk bertahlul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan sembelih) di tempatnya". (Al-Baqarah: 196)

Para ahli Fikah mengqiyaskan rambut kepala dengan bulu lain yang terdapat di seluruh badan, kerana tiada pembeza yang boleh membezakan hukum diantara keduanya.

5. **Memotong kuku.** Maksudnya ialah memotong apa saja yang dipanggil sebagai kuku ataupun yang termasuk dalam pengertiannya. Ini diqiyaskan dengan rambut kecuali ada keuzuran seperti kuku patah dan berasa sakit kerananya maka ia terpaksa dipotong.

6. **Memakai wangian.** Dilarang mengguna segala jenis wangian dalam keadaan ihram termasuk sapu badan dan sabun dan tidak boleh dikenakan kepada badan, pakaian dan tempat tidur.

Ini apabila dipakai dengan sengaja pada mana-mana bahagian badan. Ia juga bermaksud mencampur makanan atau minuman dengan wangian lalu dimakan, duduk atau tidur di atas hamparan atau tempat yang telah disapukan minyak wangi **tanpa ada** pelapik di atasnya atau mandi dengan sabun wangi.

Begitu juga tidak boleh pakai pakaian yang dihasapkan dengan wangian sehingga baunya bergantung kepada pakaian. Tidak dikenakan fidyah kalau duduk dalam kedai parfum. Kalau niatnya hendak mencium baunya, ada dua pendapat dalam madzhab Imam Asy Syafi'ie. Berdasarkan qaul yang dianggap sah dan termaktub dalam buku Al Imlaa, hukumnya makruh. kalau yang kedua sebagaimana pendapat Imam Ahmad ibn Hanbal, haram melakukannya dan kena fidyah.

Kalau sentuh wangian-wangian yang kering seperti ambar dan kapur barus, kalau tertinggal bekas wangian dan warnanya atas badan atau kain, wajib bayar fidyah seperti di sebut dalam kitab Imam Asy Syafi'ie Al Umm.

Tidak termasuk hukum berwangian jika dia mencium bunga mawar *ataupun airnya ataupun tempat tanamannya.* Perkara ini tidak diharamkan. Berbau air mawar dalam bekas tidak dilarang. kalau dibawa minyak wangi dalam botol atau bag, tidak kenakan fidyah walaupun lolos baunya sedikit.

Minyak gosok yang tidak berbahan wangian seperti minyak zaitun dilarang pengunaannya pada rambut kepala dan muka.

Minyak gosok yang tidak berwangi seperti minyak zaitun boleh digunakan pada anggota lain seperti kaki, tangan dan bibir.

Kalau cuci tangan dalam keadaan lupa dengan sabun yang berwangi atau kerana jahil atau dipaksa, tidak berdosa dan tidak dikenakan fidyah. Kalau mengguna sesuatu tanpa mengetahui ianya berwangi, tidak berdosa dan tidak dikenakan fidyah dan hendak dicuci bekasnya dengan segera. Ini berdasarkan riwayat dari Atha dalam Sahih AlBukhari;

"kalau dia (muhrim) gunakan wangian atau memakai baju dalam keadaan lupa atau jahil, tidak dikenakan fidyah."

**Dalil pengharamannya** ialah ijmak kerana ia adalah gambaran kemewahan yang bertentangan dengan hikmah haji. Nabi s.a.w. telah menyatakan dalam hadis sahih:

الْحَاجُّ أَشْعَثُ أُغْبِرُّ

"Jemaah haji itu badannya berdebu dan rambutnya menggerbang".

Rasulullah (s.a.w.) telah perintah tentang muhrim yang telah meniggal di 'Arafah :

" لَا تَمَسُّوهُ بِطَيْبٍ. " (مسلم)

"Do not apply perfume to him." (Muslim)

Baginda (s.a.w.) bersabda kepada seorang lelaki yang telah lakukan ihram dalam jubah yang ada bekas wangian;

" أَمَّا الطَّيْبُ الَّذِي عَلَيْكَ فَاغْسِلْهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ وَ أَمَّا الْجُبَّةُ فَانزِعْهَا. " (متفق عليه)

"Adapun wangian pada mu (badan yang telah dikenakan selepas ihram), cucinya tiga kali dan adapun jubah maka tanggalkannya. " (Al Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat Imam Al Bukhari dan Imam Muslim:

و لَا تَلْبَسُوا مِنَ الثِّيَابِ شَيْئًا مَسَّهُ زَعْفَرَانٌ وَ لَا وَرْسٌ. (متفق عليه)

"Jangan pakai pakaian yang terkena kunyit (za'faran) ataupun wars (sejenis tumbuhanyang berbau wangi digunakan sebagai pewarna)."

7. Membunuh binatang buruan yang dimakan sama ada binatang darat ataupun binatang liar. Termasuk dalam pengertian membunuh ialah dengan semata-mata memburunya, menguasai atau memilikinya (walaupun tidak membunuhnya seperti memasang perangkap dan sebagainya) atau mengambil sesuatu daripada bintang buruan itu, seperti mengambil sebahagian tubuhnya atau bulunya dan seumpamanya. Apabila disebut binatang darat, maka binatang laut tidak termasuk di dalam perbincangan ini. Oleh itu orang yang berihram tidak diharamkan memburunya sekiranya ia terdapat di tepi pantai. Apabila disebut binatang liar, maka binatang jinak yang halal dimakan seperti unta dan ayam (walaupun ia sudah menjadi liar dan tidak jinak) tidak termasuk di dalam perbincangan ini.

Dalil orang yang berihram diharamkan berburu ialah firman Allah Taala;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ

"Wahai orang yang beriman, janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram". (Al-Maidah: 95)

8. Akad nikah. Ia diharamkan sama ada orang yang berihram itu melakukannya untuk dirinya atau untuk orang lain yang mewakilkan kepadanya. Ini berdasarkan sabda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim dan selainnya:

## لَا يُنكِحُ الْمُحْرِمُ وَلَا يُنْكَحُ

"Orang berihram tidak boleh berkahwin dan tidak boleh mengahwinkan."

Maksudnya; Dia tidak boleh melakukan akad nikah untuk dirinya dan juga untuk orang lain. Kalau dia melakukannya juga, akad itu batal.

9. **Jimak dengan pelbagai bentuk** keintiman berdasarkan zahir firman Allah Taala;

"(Musim) haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Sesiapa yang mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh (melakukan rafats) mencampuri isteri dan tidak boleh membuat maksiat serta tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan Haji". (Al-Baqarah: 197).

*Al-Rafats* (bercampur dengan isteri) ditafsirkan dengan pelbagai perkara, di antara yang paling menonjol dan utama ialah jimak.

10. Melakukan perbuatan yang membangkitkan syahwat (bukan jimak) seperti meraba, mencium dan seumpamanya, begitu juga *istimna'* (mengeluarkan air mani) dengan tangan dan seumpamanya, kerana semua perkara tersebut termasuk dalam pengertian *al-rafath* yang dilarang oleh Allah Taala dalam ayat yang telah disebutkan.

**Inilah perkara-perkara yang diharamkan melakukannya sewaktu berada dalam ihram haji ataupun umrah.**

*Hukum haram melakukannya atau melakukan salah satu daripadanya dikira apabila berada dalam keadaan mengetahui hukumnya, sukarela (tiada paksaan) dan tanpa keperluan (dharurah). Kalau seseorang tidak mengetahui hukumnya atau tidak dengan sukarela ataupun dipaksa oleh keperluan seperti sakit yang memaksanya menutup kepala ataupun mencukur rambutnya, maka ia tidak diharamkan dan dia wajib mengeluarkan fidyah yang akan kami sebutkan nanti insyaAllah.*

2. **Tawaf:** Masuk ke Makkah dan terus tawaf umrah

### **Sunat-sunat Ketika Masuk ke Makkah.**

Apabila jemaah 'umrah hampir memasuki Makkah, disunatkan melakukan adab-adab berikut:

1. Mandi untuk masuk ke Makkah. Nabi sentiasa mandi di telaga Dzu *Thuwa* ketika ingin memasuki Makkah. Para jemaah boleh gabungkan niat mandi untuk ihram bersama mandi untuk masuk Makkah.
2. Masuk ke Makkah dari arah Kada' iaitu jalan di sebelah atas Makkah dan baca doa.
3. Terus ke masjidil haram untuk melakukan *tawaf*
4. Masuk ke masjid dari pintu Bani Syaibah. Apabila nampak *al-Ka'bah al-Musyarrifah* terus mengangkat kedua tangan dan berdoa:



اللَّهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ تَشْرِيفًا وَتَعْظِيمًا وَ مَهَابَةً وَزِدْ مِنْ شَرَفِهِ وَ كَرَمِهِ مِمَّنْ  
 حَجَّهٖ وَ اعْتَمَرَهُ تَشْرِيفًا وَ تَعْظِيمًا وَ تَكْرِيمًا وَ بَرًّا. اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَ مِنْكَ  
 السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ

*"Ya Allah! Tambahkanlah bagi rumah ini kemuliaan, keagungan, penghormatan dan kehebatan, tambahkanlah bagi sesiapa yang memulia dan mengagungkannya dari kalangan jemaah haji dan umrah kemuliaan, keagungan, penghormatan dan kebaikan. Ya Allah! Engkaulah yang Maha Sejahtera, daripada-Mulah kesejahteraan maka hidupkanlah kami wahai Tuhan kami dalam kesejahteraan".*

Diriwayatkan oleh Ibn majah;

تُفْتَحُ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَ تُسْتَجَابُ دَعْوَةُ الْمُسْلِمِ عِنْدَ رُؤْيَةِ الْكَعْبَةِ. (ابن ماجه)

*"Pintu langit terbuka dan doa seorang mu'min diterima oleh Allah apabila dilihati Ka'bah."*

**Tawaf menjadi sah apabila menepati syarat-syarat berikut. Syarat-syarat tersebut kita ringkasnya sebagai berikut:**

1. Memenuhi syarat sah sembahyang seperti niat<sup>2</sup>, suci daripada hadas besar dan kecil, suci daripada najis di badan, pakaian dan tempat tawaf, dan menutup aurat berdasarkan hadis riwayat at-Tirmidzi dan Ad-Daraaqutni daripada Nabi s.a.w. sabdanya:

*"Tawaf adalah (seperti) sembahyang kecuali Allah Taala menghalalkan bercakap padanya. Sesiapa yang bercakap, janganlah dia bercakap kecuali yang baik sahaja".*

2. Tidak memasukkan mana-mana anggota tubuh badan ketika tawaf ke dalam sempadan Ka'bah. Oleh itu dia hendaklah tawaf di luar Hijir Ismail (kawasan di sebelah dinding utara Ka'bah yang dibataskan dengan dinding yang rendah berbentuk separuh bulatan). Ini kerana Hijir Ismail berada di dalam kawasan Ka'bah. Oleh itu tidak boleh tawaf di dalamnya.

3. Menjadikan Ka'bah berada di sebelah kiri sewaktu tawaf yang bermula di Hajarul Aswad. Sekiranya dimulakan sebelum Hajarul Aswad, tawafnya tidak dikira sehinggalah dia sampai di kawasanya. Ini kerana mengikuti perbuatan Nabi s.a.w. dalam hadis yang sahih.

4. Menyempurnakan tawaf sebanyak tujuh pusingan ataupun tujuh kali tawaf. Dengan itu sempurnalah rukun tawaf dan semuanya ini dianggap sebagai satu tawaf.

<sup>2</sup> PERHATIAN: Niat bagi tawaf 'umrah sunat melakukannya kerana tawaf dan sa'ie sudah masuk niat melakukannya dalam niat melakukan 'umrah waktu ihram. Wajib niat untuk tawaf sunat dan Tawaf wada'.

5. Tidak tukar niat waktu tawaf ('adam us saarif)

Inilah syarat-syarat tawaf. Disamping itu terdapat sunat-sunat dan adab-adab yang akan kami sebutkan nanti *insya Allah*.

## Sunat-sunat Tawaf

Secara ringkasnya, sunat-sunat tawaf adalah seperti berikut:

نَوَيْتُ طَوَافَ الْعُمْرَةِ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

*Saya telah berniat melakukan tawaf ' umrah 7 pusingan kerana Allah Maha Tinggi.*

1. **Berjalan kaki bagi lelaki ataupun perempuan.** Kecuali jika dihalang oleh sakit dan seumpamanya. Ketika itu tidak makruh tawaf sambil menunggang.

As-Syaikh meriwayatkan:

*Ummu Salma datang dalam keadaan sakit lalu Rasulullah s.a. w. bersabda kepadanya: "Tawaflah di belakang orang ramai dalam keadaan menunggang kenderaan".*

2. **Melakukan *istilam*** (menyentuh) Hajar al-Aswad pada permulaan tawafnya, mencium dan meletakkan dahi padanya kerana itu adalah amalan Rasulullah s.a.w. yang telah diriwayatkan oleh as-Syaikh. Sekiranya tidak dapat menyentuh dengan tangan kerana sesak dan seumpamanya, hendaklah mengisyaratkan kepadanya dengan tangan dari jauh dalam keadaan bertakbir dan bertahlil. Sunat ini dikhususkan bagi lelaki.

Mengulangi sentuhan dan ciuman kepada Hajarul Aswad setiap kali pusingan tawafnya dengan syarat-syarat yang telah kami sebutkan. Disunatkan juga menyentuh Al Hajar Aswad selepas selesai tawaf dan sembahyang sunat tawaf

**Bagi wanita tidak disunatkan menyentuh dan mencium kecuali jika tempat tawaf itu kosong.** Apabila tempat tawaf itu sesak, di mana menyentuh dan menciumnya menyebabkan kesakitan (kesusahan) kepada orang lain, maka lelaki juga tidak disunatkan melakukannya. Malah boleh jadi makruh atau haram mengikut kadar kesakitan hasil daripada perbuatan itu. As-Syafi'ie dan Ahmad meriwayatkan daripada Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda kepadanya:

*"Wahai Umar! Sesungguhnya kamu lelaki yang gagah, jangan kamu bersesak di Hajar lalu menyakitkan orang yang lemah. Kecuali kamu mendapati kekosongan, kalau tidak bertahlil dan bertakbirlah."*

3. **Hendaklah berlari anak** bagi kaum lelaki dalam tiga pusingan pertama iaitu dengan dipercepatkan perjalanan tetapi dengan langkah yang pendek. Kemudian berjalan biasa pada empat pusingan yang baki.

4. **Melakukan *Idhtibaa'*:** Ketika berlari anak, disunatkan dengan meletakkan pertengahan selendangnya di bawah ketiak kanan (bahu kanan terdedah) dan meletakkan kedua hujungnya diatas bahu kiri. Ini berdasarkan hadis sahih daripada Rasulullah s.a.w.:

Sewaktu Baginda masuk ke Makkah untuk melakukan umrah al-Qadha<sup>c</sup>, Baginda telah melakukan perkara itu dan memerintahkan sahabat melakukannya. Baginda bersabda: "Semoga Allah merahmati orang-orang yang aku lihat pada hari ini ada kekuatan pada dirinya".

4. Membaca doa waktu tawaf atau kitab suci Al Quran. Dibolehkan berdoa dengan mana-mana doa. Doa yang *ma'thur* daripada Rasulullah s.a.w. sewaktu tawaf adalah lebih baik daripada membaca al-Quran dan membaca al-Quran lebih afdhal daripada doa yang tidak *ma'tsur*.

5. **Bersembahyang dua rakaat setelah selesai tawaf** di belakang maqam Ibrahim. Pada rakaat pertama dibaca surah al-Kafirun dan pada rakaat kedua surah al-Ikhlash. Ini berdasarkan hadis sahih riwayat Muslim bahawa Nabi s.a.w. telah melakukannya dan Baginda menggesa orang ramai juga melakukannya, sambil Baginda membacakan firman Allah:

وَأَتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى<sup>ط</sup>

"Dan jadikanlah Makam Nabi Ibrahim itu tempat sembahyang". (Al-Baqarah: 125).

**PERHATIAN:** Boleh melakukan **tawaf sunat** setiap kali masuk Masjid ul Haram. Ia mengambil tempat solat tahiyatul masjid. Cara, syarat dan sunat-sunatnya sama seperti tawaf 'umrah kecuali wajib berniat dan boleh dilafazkansaperti berikut;

نَوَيْتُ طَوَافَ السَّنَةِ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Saya telah berniat melakukan tawaf ' sunat 7 pusingan kerana Allah Maha Tinggi.

3. **Sa'i antara As Safa dan Al Marwah**

نَوَيْتُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَ الْمَرْوَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعْيِ الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Saya telah berniat untuk lakukan sa'i antara As Safa dan Al Marwah 7 pusingan Sa'i 'umrah kerana Allah.

As Safa dan Al Marwah adalah dua buah bukit kecil dekat Baitullah. Maksud sa'i antara kedua-duanya ialah berjalan dari As Safa ke Al Marwah kemudian balik semula sebanyak tujuh kali; dari As Safa ke Al Marwah sekali dan dari Al Marwah ke As Safa sekali, begitulah seterusnya. Dalil rukun ini ialah Baginda s.a.w. menghadap kiblat sewaktu sa'i dan bersabda:

"Wahai manusia! Bersa'ilah kamu semua."

Dan hadis Jabir yang diriwayatkan oleh Muslim tentang kaifiyat Haji Nabi s.a.w., dinyatakan di dalamnya:

"Kemudian Baginda keluar dari pintu (Babus Salam) pergi ke As Safa, apabila dekat dengan As Safa Baginda membacakan firman Allah Taala yang bermaksud; "Sesungguhnya As Safa dan Al Marwah itu adalah



4. Berdoa dengan doa yang disuka untuk kebaikan dirinya, saudara-saudaranya dan orang-orang beriman.

#### **4. Bercukur ataupun bergunting rambut di kepalanya.**

Ia mencakupi semua tindakan yang dinamakan sebagai menggunting rambut. Dengan ini menggunting atau cabut tiga helai rambut atau lebih termasuk dalam pengertian ini. Ia juga bermaksud mencukur kesemua rambut (botak) dan juga bergunting walau bagaimana banyak dan caranya. Bercukur merupakan rukun menurut pendapat yang sah dalam mazhab al-Imam as-Syafie. Dalilnya ialah perbuatan Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh as-Syaikhan dan selainnya.

Rambut yang dicukur berada dalam lingkungan kepala. Tidak memadai mencukur janggut, misai dan lain-lain. Bagi wanita pula, mereka hanya bergunting dan tidak diperintahkan bercukur secara ijmak.

**Peringatan:** Orang yang tidak ada rambut di kepalanya sunat melalukan pisau cukur di atas kepalanya dan ia tidak diwajibkan.

Dengan itu amalan dan kewajipan umrah selesai dilakukan. (19

May 2011)

#### **Minum air zamzam**

Disunatkan banyak minum air zamzam dan berniat dengan perkara kebaikan yang dikehendaknya sewaktu meminumnya, dan disunatkan menghadap kiblat sewaktu meminumnya.

اللَّهُمَّ إِنَّهُ بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَكَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "مَاءُ زَمْزَمَ لِمَا شُرِبَ لَهُ" اللَّهُمَّ إِنِّي أَشْرَبُهُ لِتَغْفِرَ لِي. اللَّهُمَّ فَاعْفِرْ لِي". اللَّهُمَّ إِنِّي أَشْرَبُهُ مُسْتَشْفِيًا بِهِ مِنْ أَمْرَاضِي اللَّهُمَّ فَاشْفِنِي."

*Ya Allah, telah sampai kepada saya bahawa rasulullah telah bersabda, " Air Zamzam adalah bagi apa saja niat ia di minum kerananya." Ya Allah saya minumnya supaya awak mengampuni saya. Ya Allah, maka ampuni saya. ya Allah, saya minumnya mencari penyembuhan bagi penyakitku. ya Allah sembuhilah saya.*

#### **TAWAF WADA'**

Apabila jemaah haji mahu balik ke tempat asalnya, dia hendaklah Tawaf di Baitullah al-Haram dengan tawaf wada'. **Tawaf ini wajib dan mesti jatuhkan niat untuk melakukannya:**

نَوَيْتُ طَوَافَ الْوَدَاعِ بِهَذَا الْبَيْتِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Sekiranya ditinggalkan, dia wajib membayar dam. **Kecuali bagi wanita haid**, dia boleh meninggalkan Makkah (pulang ke tanah air) tanpa tawaf wada' dan ia digugurkan daripadanya.

Wajib untuk tidak melewatkan bermusafir selepas tawaf wada'. Sekiranya terus tinggal di Makkah selepas itu, dia hendaklah mengulanginya.

## **MELAKUKAN 'UMRAH BAGI ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA.**

Boleh dikerjakan 'umrah yang wajib bagi orang yang telah meninggal dunia berdasarkan 'ijma' ulama. Yang paling baik adalah kalau ia dilakukan oleh anak simati kerana anak merupakan amal jariyah bagi simati dan segala pahala amalnya pasti akan sampai kepada ibubapa dan kerana merupakan '*birrul walidayn*' (*bakti terhadap ibubapa*).

'Umrah sunnah boleh dilakukan juga mengikut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad. Dalam Madzhab Asy Syafi'ie, ada dua pendapat yang diriwayatkan (2 qaul) daripada Imam Asy Syafi'ie. Pendapat yang mengatakan bahawa 'umrah atau haji sunat tidak sah kecuali kalau depesan oleh simati dalam wasiatnya dianggap pendapat yang lebih tepat.

**PERHATIAN:** Sebelum malakukan 'umrah bagi orang lain, hendaklah melakukan 'umrah yang wajib bagi diri sendiri dahulu. Urutannya adalah seperti berikut:

1. 'Umrah wajib bagi diri sendiri.
2. 'Umrah qadak kalau telah merosakan ibadat 'umrah.
3. 'Umrah nazar kalau telah melakukan nazar untuk kerjakan 'umrah.
4. 'Umrah sunat atau 'umrah badal (bagi orang lain).

## **DOA-DOA**

Apabila Baginda s.a.w. duduk di atas tunggangannya untuk keluar bermusafir, Baginda bertakbir tiga kali dan berdoa:

بِسْمِ اللَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ، وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ. اللَّهُمَّ  
إِنِّي أَسْأَلُكَ فِي سَفَرِي هَذَا مِنَ الْبِرِّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ  
هُوَ عَلَيْنَا الْمَسِيرَ، وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَ الْأَرْضِ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ،  
وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ الْمُنْظَرِ، وَ  
سُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ وَالْوَالِدِ.

"Maha Suci Tuhan yang memudahkan tanggungan ini untuk kami dan bukanlah kami yang memandunya dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami. Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon kepada-Mu dalam perjalanan kami ini kebaikan, ketakwaan dan amalan yang Engkau redhai. Ya Allah! Mudahkanlah perjalanan kami ini dan dekatkan-lah kejauhannya. Ya Allah! Engkaulah teman dalam perjalanan, pengganti pada ahli keluarga. Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon perlindungan-Mu daripada perjalanan yang menyusahkan, pandangan yang menggerunkan dan pengembalian yang buruk pada harta dan keluarga". (Muslim)

**Selepas dan dalam keadaan Ihram.**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ  
الْجَنَّةَ وَنَعِيمَهَا وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ الَّذِينَ  
اسْتَجَابُوا لَكَ وَ لِرَسُولِكَ وَ آمَنُوا بِكَ وَ وَتَّقُوا بِوَعْدِكَ وَ وَفُوا بِعَهْدِكَ وَ  
اتَّبَعُوا أَمْرَكَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ الَّذِينَ رَضِيَتْ وَ أَرْضِيَتْ. اللَّهُمَّ يَسِّرْ  
لِي أَدَاءَ مَا نُوِيْتُ وَ تَقَبَّلْ مِنِّي. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَ قِنَا عَذَابَ النَّارِ.

**Apabila melihat sesuatu yang menakjubkan.**

Apabila melihat sesuatu yang menakjubkan selepas berhram maka sebutlah:

لَبَّيْكَ إِنَّ الْعَيْشَ عَيْشُ الْآخِرَةِ

(Aku datang kepada-Mu ya Allah, sesungguhnya kehidupan itu adalah kehidupan akhirat), sebagai mengikuti perbuatan Rasulullah s.a.w..

**Apabila sampai ke tanah suci Makkah.**

اللَّهُمَّ هَذَا حَرْمُكَ وَ أَمْنُكَ فَحَرِّمْنِي عَلَى النَّارِ وَ آمِنِّي مِنْ عَذَابِكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ وَ  
اجْعَلْنِي مِنْ أَوْلِيَائِكَ وَ أَهْلِ طَاعَتِكَ

"Ya Allah! Inilah haram (kehormatan) dan keamanan-Mu, maka haramkanlah aku daripada neraka dan amankanlah aku daripada azab-Mu pada hari dibangkitkan hamba-hamba-Mu dan jadikanlah aku di kalangan pembantu-pembantu-Mu dan orang yang mentaati-Mu".

**Apabila melihat Ka'bah.**

اللَّهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ تَشْرِيفًا وَتَعْظِيمًا وَ مَهَابَةً وَزِدْ مِنْ شَرَفِهِ وَ كَرَمِهِ مِمَّنْ  
حَجَّهٖ وَ اعْتَمَرَهُ تَشْرِيفًا وَ تَعْظِيمًا وَ تَكْرِيمًا وَ بَرًّا. اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَ مِنْكَ  
السَّلَامُ فَحِينَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ

"Ya Allah! Tambahkanlah bagi rumah ini kemuliaan, keagungan, penghormatan dan kehebatan. Tambahkanlah bagi sesiapa yang memulia dan mengagungkannya dari kalangan jemaah haji dan umrah kemuliaan, keagungan, penghormatan dan kebaikan. Ya Allah! Engkaulah yang Maha Sejahtera, daripada-Mulah kesejahteraan, maka hiduapkanlah kami wahai Tuhan kami dalam kesejahteraan".

Doa diperkenankan apabila melihat ka'bah.

### Sewaktu tawaf.

Hendaklah dia memulakan tawaf dengan berdoa:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ إِيْمَانًا بِكَ وَ تَصْدِيقًا بِكِتَابِكَ وَ وِفَاءً  
بِعَهْدِكَ وَ اتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ وَ حَبِيبِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ.

"Dengan nama Allah, Allah Maha Besar. Ya Allah! (Aku melakukan ini) kerana keimanan kepada-Mu, membenarkan kitab-Mu, memenuhijanji-Mu dan mengikuti sunnahNabi-Mu s.a.w.".

### Doa sewaktu berlari anak tiga pusingan yang pertama ialah:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا عُمْرَةً مَبْرُورَةً وَ سَعِيًّا مَشْكُورًا وَ ذَنْبًا مَغْفُورًا رَبِّ اغْفِرْ وَ ارْحَمْ  
وَ اغْفُ وَ تَكْرَمْ وَ تَجَاوِزْ عَمَّا تَعْلَمُ إِنَّكَ تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ إِنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَعَزُّ  
الْأَكْرَمُ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَ فِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَ قِنَا عَذَابَ النَّارِ.

"Ya Allah! Jadikanlah ia 'umrah yang mabrur, dan usaha yang disyukuri (di terima oleh Allah) dan dosa yang terampun. Ya Allah! Ampunilah dan kasihanilah, ampunilah apa yang Engkau ketahui dan Engkaulah Tuhan Yang Maha Agung dan Mulia. Wahai Tuhan kami, berikan kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka."

### Doa waktu berlalu hadapan pintu Ka'bah :

اللَّهُمَّ إِنَّ الْبَيْتَ بَيْتَكَ وَ الْحَرَمَ حَرْمُكَ وَ الْأَمْنَ أَمْنُكَ وَ هَذَا مَقَامَ الْعَائِدِ بِكَ مِنَ  
النَّارِ.



*“Ya Allah, Rumahini rumah Mu, dan Alharam haramMu, tempat kesejahteraan tempat kesejahteraan Mu dan inilah tempat orang yang meminta perlindungan dengan Mu dari api neraka.”*

**Apabila samapi kepenjuru Rukn-ul ‘Iraqi:**

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشُّكِّ وَ الشَّرِّكَ وَ الشَّقَاقِ وَ النِّفَاقِ وَ سُوءِ الْأَخْلَاقِ وَ سُوءِ  
الْمُنْقَلَبِ فِي الْأَهْلِ وَ الْمَالِ وَ الْوَلَدِ.

*“Ya Allah, saya minta perlindungan dengan Mu dari syak dan syirik dan perselisihan dan kemunafikan dan akhlak yang buruk dan kesudahan yang buruk dalam keluarga, harta dan anak.”*

**Apabila selaras dengan pancuran air (meezaab) :**

اللَّهُمَّ أَظْلَنِي فِي ظِلِّكَ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّكَ وَ اسْقِنِي بِكَأْسِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَ سَلَّمَ شَرْبَةً هَنِئَةً مَرِيئَةً لَا أَظْمَأُ بَعْدَهَا أَبَدًا يَا ذَا الْجَلَالِ وَ الْإِكْرَامِ.

*“Ya Allah naungansaya dengan naungan Mu pada hari yang mana tiada naungan kecuali naungan Mu dan beri saya minuman dari cawan penghulu kami Muhammad (s.a.w.) minuman yang sihat dan menyenangkan dan tidak rasa haus selepasnya., wahai pemilik kemuliaan dan kehormatan.”*

**Antara Ar Rukn-usy Syami dan Ar Rukun ul Yamani;**

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ عُمْرَةً مَبْرُورَةً وَ ذَنْبًا مَغْفُورًا وَ سَعْيًا مَشْكُورًا وَ عَمَلًا مَقْبُولًا وَ تِجَارَةً لَنْ  
تُبُورَ يَا عَزِيزُ يَا غَفُورُ.

*“Ya Allah, jadikannya 'umrah yang mabrur dan dosa yang terampun dan sa'ie yang diterima dan amal yang diterima dan perniagaan yang tiada ruginya, wahai Maha Perkasa dan Maha Pengampun.”*

**Antara rukun Yamani dan Al Hajar Al Aswad:**

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ  
مَعَ الْأَبْرَارِ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*"Wahai Tuhan kami berikan kami kebaikan didunya dan kebaikan diakhirat dan hindarilah kami dari api neraka dan masukkan kami dalam syurga bersama orang-orang yang salih, wahai Yang Maha Perkasa, Wahai Maha Pengampun, wahai tuhan semesta alam."*

Rujuk kitab doa untuk doa-doa selainnya.

**WANITA DALAM KEADAAN HAID**

Tempoh jemaah 'umrah berada di Makkah dan Madinah adalah amat pendek. Maka bagi kaum wanita, mestilah pastikan bahawa tidak dalam keadaan haid yang akan menghalang mereka dari melakukan tawaf dan masuk masjid. (Ibadat 'umrah tak dapat diselesaikan). Wanita dalam haid boleh mandi ihram dan melakukan ihram untk haji dan 'umrah.

**Cara selesaikan masalah ini adalah:**

- (1) Pastikan waktu beleyar untuk kerjakan 'umrah tidak pada waktu haid.
- (2) Mengambil ubat atau suntikan untuk melambatkan datangnya haid.
- (3) Wanita dalam haid, apabila putus haidnya pada waktu tempoh haid dengan sendiri atau dengan suntikan boleh mandi hadats dan segera kemasjid untuk melakukan 'umrah walaupun keadaan haid kembali selepasnya.

**Ini berdasarkan Madzhab Imam Malik dan satu pendapat Imam Asy Syafi'ie dan ulama madzhab Asy Syafiie seperti Imam Abu Haamid dan Al Muhaamily dan Asy Syaikh Manshuur Al Maqdisiy.**

## **FIDYAH BAGI MELALUKAN PERKARA YANG DIHARAMKAN WAKTU DALAM KEADAAN IHRAM.**

Melakukan sesuatu yang diharamkan sewaktu ihram seperti mencukur rambut, memotong kuku ataupun memakai pakaian berjahit dan sebagainya. Sesiapa yang melakukan mana-mana perkara yang diharamkan ini dia wajib menampung kecacatan yang berlaku menggunakan cara berikut:

**Pertama:** Sekiranya yang dilakukan (perkara yang diharamkan ketika ihram) ialah mencukur rambut, memotong kuku, memakai pakaian berjahit, memakai wangian, menutup kepala atau melakukan muqaddimah jimak, maka dia wajib melakukan salah satu daripada perkara berikut:

- a. Menyembelih seekor kambing yang boleh dibuat korban (menepati syarat-syarat korban).
- b. Memberi makan enam orang miskin. Setiap seorang mendapat setengah gantang.
- c. Puasa tiga hari.

**Dia boleh memilih untuk melakukan salah satu daripada tiga perkara ini dengan syarat rambut yang dicukur (lihat maksud cukur dalam perbincangan sebelum ini) tidak kurang daripada tiga helai ataupun tidak kurang dari tiga kuku yang dipotong.**

Sekiranya kurang daripada itu, bagi sehelai rambut ataupun satu kuku dikeluarkan secupak makanan dan bagi dua helai rambut atau dua kuku dikeluarkan dua cupak.

**Kedua:** Sekiranya yang dilakukan (perkara yang diharamkan ketika ihram) ialah jimak, maka dia wajib menyembelih seekor unta. Jika dia tidak mendapati unta, dia hendaklah menilainya dengan duit (mengikut harga di Makkah) dan dinilai dengan wang itu dengan makanan yang hendak disedekahkan. Kalau dia tidak memiliki nilai unta, disukat makanan itu dengan cupak dan hendaklah berpuasa satu hari untuk satu cupak.